



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA SEPTEMBER 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian menurun 0.5 peratus pada September 2023 berbanding setahun lalu, manakala bagi perbandingan bulanan berkembang dua bulan berturut-turut

PUTRAJAYA, 7 November 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian menurun 0.5 peratus pada September 2023 berbanding setahun lalu, manakala bagi perbandingan bulanan berkembang dua bulan berturut-turut. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, September 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “IPP terus menyusut pada September 2023 sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan negatif 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh kejatuhan 5.2 peratus dalam sektor Perlombongan. Sebaliknya, sektor Pembuatan kembali kepada pertumbuhan marginal 0.4 peratus (Ogos 2023: -0.6%) selepas mengalami trend penurunan selama tiga bulan berturut-turut. Sementara itu, sektor Elektrik meningkat 2.5 peratus berbanding 1.9 peratus yang dicatatkan pada Ogos 2023. Namun begitu, bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP menunjukkan pengembangan berterusan dengan pertumbuhan 1.1 peratus, selepas mencatatkan 2.8 peratus pada Ogos 2023.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Pengembangan dalam pengeluaran Pembuatan didorong terutamanya oleh prestasi kukuh industri berorientasikan domestik yang berkembang 5.9 peratus pada September 2023 (Ogos 2023: 4.2%). Kenaikan ini diterajui oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (9.6%); Pembuatan produk prosesan makanan (8.2%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (8.0%).

Sebaliknya, industri berorientasikan eksport yang menyumbang lebih kurang dua pertiga daripada pengeluaran Pembuatan kekal pada trend menurun, meskipun dengan pertumbuhan negatif yang lebih kecil 2.0 peratus pada September 2023 berbanding penurunan 2.6 peratus pada bulan sebelumnya. Penyusutan ini

disebabkan terutamanya oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-7.7%); Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. (-4.9%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-1.9%). Trend ini selari dengan prestasi eksport negara yang menyusut 13.7 peratus pada September 2023, namun bertambah baik daripada negatif 18.7 peratus yang dicatatkan pada Ogos 2023. Berbanding bulan sebelumnya, pengeluaran industri berorientasikan domestik dan industri berorientasikan eksport tumbuh masing-masing sebanyak 4.4 peratus dan 1.1 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan merosot 5.2 peratus pada September 2023 berbanding positif 0.1 peratus yang direkodkan pada Ogos 2023. Trend penurunan tersebut dipengaruhi oleh pengeluaran Gas Asli yang kembali kepada jajaran negatif dengan penurunan 7.8 peratus berbanding kenaikan 2.6 peratus pada Ogos 2023. Tambahan pula, pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat terus berada dalam trend menurun merekodkan negatif 1.4 peratus pada September 2023 (Ogos 2023: -3.3%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, indeks Perlombongan jatuh 1.6 peratus berbanding negatif 5.4 peratus yang direkodkan pada Ogos 2023.”

Sementara itu, pengeluaran Elektrik terus meningkat 2.5 peratus pada September 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 1.9 peratus pada bulan lalu. Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik merosot 4.0 peratus berbanding pertumbuhan positif 0.3 peratus yang direkodkan pada Ogos 2023.

Secara keseluruhan, pada suku tahun ketiga 2023, IPP mencatatkan penurunan marginal 0.04 peratus tahun ke tahun berbanding negatif 0.3 peratus yang direkodkan pada suku tahun kedua 2023. Pada tempoh tersebut, sektor Perlombongan dan Pembuatan menurun masing-masing sebanyak 0.4 peratus dan 0.1 peratus. Penjualan Elektrik meningkat sebanyak 2.0 peratus pada suku ini, meneruskan momentum positif untuk tiga suku tahun berturut-turut. Namun begitu, berbanding dengan suku tahun kedua 2023, IPP memulih kepada 4.2 peratus disokong terutamanya oleh sektor Pembuatan pada kadar 5.5 peratus, selari dengan peningkatan eksport suku tahunan. Tambahan lagi, import barangan perantaraan juga mencatatkan peningkatan secara suku tahunan, yang menunjukkan permintaan yang lebih tinggi untuk pengeluaran perindustrian.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi sembilan bulan pertama tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, “IPP mengembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu 7.7 peratus. Peningkatan tersebut disokong oleh indeks Pembuatan (1.1%); dan indeks Elektrik (1.7%). Sebaliknya, indeks Perlombongan menyusut 0.4 peratus.”

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Sept. 2022 – Sept. 2023




Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia Sept. 2022 – Sept. 2023




**Carta 3: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia
ST3 2022 – ST3 2023**




**Carta 4: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Ogos dan Sept. 2023**




Carta 5: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia Sept. 2022 – Sept. 2023



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia Ogos dan Sept. 2023



Carta 7: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Ogos dan Sept. 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 NOVEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
SEPTEMBER 2023

The Industrial Production Index slipped by 0.5 per cent in September 2023 compared to a year ago, while expanding on a monthly basis for two consecutive months

PUTRAJAYA, 7 November 2023 - The Industrial Production Index slipped by 0.5 per cent in September 2023 compared to a year ago, while expanding on a monthly basis for two consecutive months. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, September 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The IPI continued to decline in September 2023 by 0.5 per cent year-on-year after registering a negative 0.3 per cent recorded in the previous month. The decrease was mainly influenced by the 5.2 per cent downturn in the Mining sector. On the other hand, the Manufacturing sector returned to a marginal growth of 0.4 per cent (August 2023: -0.6%), after experiencing a declining trend for three consecutive months. Meanwhile, the Electricity sector ascended by 2.5 per cent as against 1.9 per cent registered in August 2023. Nevertheless, on a monthly basis, the IPI showed continuous expansion with 1.1 per cent growth, after registering 2.8 per cent in August 2023."

The Chief Statistician further elaborated, "The expansion in Manufacturing output was primarily fueled by the steady performance of domestic-oriented industries, which accelerated by 5.9 per cent in September 2023 (August 2023: 4.2%). This upturn was underpinned by the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (9.6%); Manufacture of food processing products (8.2%); and Manufacture of other non-metallic mineral products (8.0%).

Conversely, the export-oriented industries which constituted about two-thirds of the Manufacturing output remained on a downward trend, albeit with a smaller negative growth of 2.0 per cent in September 2023, compared to a 2.6 per cent decline in the preceding month. The decrease was mainly attributed to the Manufacture of coke & refined petroleum products (-7.7%); Manufacture of

machinery & equipment n.e.c. (-4.9%); and Manufacture of computer, electronics & optical products (-1.9%). This trend aligns with the country's export performance which fell by 13.7 percent in September 2023, showing improvement from the negative 18.7 per cent registered in August 2023. As compared to the previous month, the production of both domestic-oriented and export-oriented industries grew by 4.4 per cent and 1.1 per cent, respectively.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "The output in the Mining sector edged downward by 5.2 per cent in September 2023 as against a positive 0.1 per cent recorded in August 2023. The downward trend was influenced by Natural Gas production which returned to negative territory, with a decline of 7.8 per cent as opposed to the 2.6 per cent increase in August 2023. Additionally, Crude Oil & Condensate output continued its declining trend, registering a negative 1.4 per cent in September 2023 (August 2023: -3.3%). In comparison with the preceding month, the Mining index decreased by 1.6 per cent as compared to the negative 5.4 per cent recorded in August 2023."

In the meantime, the Electricity output advanced further by 2.5 per cent in September 2023 after registering 1.9 per cent growth in the previous month. A month-on-month comparison, the Electricity index declined by 4.0 per cent, contrasting a positive growth of 0.3 per cent recorded in August 2023.

Overall, in the third quarter of 2023, the IPI registered a marginal decline of 0.04 per cent year-on-year as compared to the negative 0.3 per cent recorded in the second quarter of 2023. During the period, the Mining and Manufacturing sectors decreased by 0.4 per cent and 0.1 per cent, respectively. The Electricity generation increased by 2.0 per cent in this quarter, continuing the positive momentum for three consecutive quarters. Nevertheless, in comparison with the second quarter of 2023, the IPI rebounded to 4.2 per cent predominantly backed by the Manufacturing sector at 5.5 per cent, in line with the quarterly expansion of exports. In addition, imports of intermediate goods also posted quarterly increase, thus signalled higher demand for the industrial production.


Concluding his statement on the IPI performance for the first nine months of 2023, the Chief Statistician said, "The IPI expanded at a slower rate of 0.8 per cent as compared to the same period of the previous year which was 7.7 per cent. The increase was supported by the Manufacturing index (1.1%) and the Electricity index (1.7%). On the other hand, the Mining index dipped by 0.4 per cent."

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.


Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia, Sept. 2022 – Sept. 2023



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
Sept. 2022 – Sept. 2023**



**Chart 3: Industrial Production Index, Malaysia
Q3 2022 – Q3 2023**



**Chart 4: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
August and Sept. 2023**




Chart 5: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, Sept. 2022 – Sept. 2023




Chart 6: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, August and Sept. 2023





Chart 7: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, August and Sept. 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7 NOVEMBER 2023**